

UMS hasrat kolaboratif dengan universiti di China

Bagi penyelidikan herba dan perubatan tradisional, delegasi UMS lawat Beihua University

UB 01.03.2023 P.04

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) berhasrat untuk mengadakan kerjasama dengan Beihua University, China bagi bidang penyelidikan herba dan perubatan tradisional.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor, berkata kerjasama tersebut antara lain adalah berkaitan penyelidikan terhadap tumbuh-tumbuhan di negeri Sabah yang berpotensi diketengahkan sebagai produk perubatan tradisional.

"Sabah sememangnya kaya dengan sumber-sumber semula jadi khususnya hutan Sabah yang mempunyai khazanah spesies tumbuhan yang pelbagai dan mempunyai nilai ekonomi yang sangat tinggi.

"Justeru itu, UMS sebagai salah sebuah menara gading di negeri ini bertekad untuk



ALBUM: Kasim bersama delegasi dari Sabah yang mengadakan lawatan kerja ke Beihua University.

menerajui penyelidikan khazanah semula jadi di Sabah bagi manfaat baik untuk universiti maupun sumbangan kepada

negeri Sabah sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika memeterai hasrat ker-

jasama dengan Beihua University sewaktu menyertai lawatan kerja delegasi kerajaan negeri Sabah ke universiti tersebut baru-baru ini.

Beliau mewakili UMS mendaratangani Surat Niat (LoI) bagi pemeteraian hasrat tersebut, manakala Vice-Principal of Beihua University, Prof. Yu Fanhua mewakili universiti yang berpusat di Wilayah Jilin, China tersebut.

Kasim turut memaklumkan, Fakulti Perhutanan

Tropika (FPT) dan Institut Biologi Tropika dan Pemuhibaran (IBTP) akan menerajui kerjasama tersebut bagi pihak UMS.

"Kolaboratif tersebut akan melibatkan mobiliti pelajar, pertukaran tenaga pakar, perkongsian bersama geran, penyelidikan dan guna sama makmal kajian.

"Kerjasama ini penting dalam membantu meningkatkan kesedaran generasi muda berkenaan kepentin-

gan pengetahuan tradisional dalam bidang etnobotani," katanya.

Ujar beliau, usaha tersebut sekali gus membantu dalam meningkatkan keupayaan perubatan tradisional sebagai kaedah perubatan alternatif yang melengkapi perubatan moden dalam menangani cabaran era pandemik.

Turut menyertai Kasim dalam lawatan kerja tersebut Pengarah IBTP, Prof. Madya Dr. Fiffy Hanisdah Saikim.



PENERANGAN: Kasim diberi penerangan ketika melawat salah sebuah makmal di Beihua University.



KENANGAN: Kasim menerima cenderahati daripada wakil Beihua University.